

Media eratkan perhubungan, kurangkan tekanan

Burung dan asap mengingatkan kita sebagai salah satu alat komunikasi yang digunakan pada zaman dahulu. Komunikasi menjadi semakin mudah dengan wujudnya media massa yang sangat membantu. Jika dulu kita penat menulis surat atau berita, namun kini kita hanya perlu menyentuh skrin telefon pintar di mana-mana saja. Tidak ada lagi istilah pejabat pos, hanya klik pada satu perkataan iaitu 'hantar', khabar berita kita sekelip mata sampai kepada mereka yang tersayang.

Kini jarak bukan lagi penghalang untuk kita eratkan hubungan sesama manusia. Bak kata pepatah Melayu, yang jauh didekatkan, yang dekat dierat-eratkan. Tidak kurang hebatnya sebaran maklumat terkini mengenai isu semasa di dalam mahupun di luar negara yang sangat pantas mengalahkan halilintar yang membelah bumi. Segala maklu-

mat sangat mudah didapati sama ada dengan menggunakan media cetak apatah lagi media elektronik. Sememangnya menjadi satu kebiasaan, warga Malaysia akan mendapatkan pengetahuan isu semasa daripada media cetak.

Sentuhan di ibu jari

Dalam mengejar kesibukan dunia pada hari ini, media massa juga berperanan sebagai medium hiburan kepada masyarakat. Tidak perlu ke mana-mana, hanya duduk menghadap skrin televisyen dan komputer, itu sudah cukup memadai.

Tambahan pula dengan terperangkap di dalam kesesakan lalu lintas yang amat menjengkelkan, pemandu memilih untuk menekan punat 'on' atau 'power' radio dalam kenderaan masing-masing sekali gus menghilangkan tekanan yang ada. Memang tidak dinafikan hiburan selalu dikaitkan dengan perkara negatif, namun inilah dinamakan dunia yang penuh



Kewujudan media terkini membolehkan hubungan jauh didekatkan, maklumat di hujung jari. [GAMBAR HIASAN]

dengan pilihan bukannya keputusan. Anda yang menentukan hiburan yang bagaimana sepatutnya dijadikan pilihan utama.

Seringkali disalah guna

Media massa kadangkala sering disalah guna dan mampu menentukan jatuh dan bangun individu

tertentu. Kita masih lagi beruntung kerana ada akta seperti Akta Hasutan 1957 dan Akta Fitnah 1948. Akta berkenaan menjadi panduan kepada orang ramai mengenai hukuman yang akan dikenakan kepada pihak tidak bertanggungjawab.

Media hanya satu alat atau

wasilah saja namun isinya itu ditentukan oleh pengguna dan penggiatnya. Jika disusun dan direka dalam keadaan yang baik maka hasilnya tentulah sangat bermanfaat.

Umu Nashibah Saadon
Universiti Sains Islam Malaysia